

The Role of Maahad Tahfiz Ad-Din in producing *Huffaz* of Perak Darul Ridzuan

Peranan Maahad Tahfiz Ad-Din Dalam Melahirkan *Huffaz* di Negeri Perak Darul Ridzuan

Muhammad Khairul Firdhaus Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim*, Wahyu Hidayat Abdullah

Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

This study aims to evaluate the role of Maahad Tahfiz ADDIN to produce *huffaz* in the State of Perak Darul Ridzuan based on the implementation of the Tahfiz Al-Quran curriculum with important instruments of collecting quantitative data (questionnaires). A survey method which was used involved 366 students from the Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN in the state of Perak who are randomly selected. The subjects of the study were students aged 13 years to 17 years old. A questionnaire was developed to collect the required data. The findings were analyzed descriptively by Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 22.0. The results show that the implementation of the goals and objectives of the Quranic Tahfiz curriculum at Maahad Tahfiz ADDIN was the highest mean of 3.60. The conclusions from this study show that the goal and objectives of tahfiz are at a good level and can be further enhanced. On the other hand, the content of the curriculum and time allocation for the Quranic memorization should be given due attention and improvements so that Maahad Tahfiz ADDIN can actually filling the gap in producing more quality *huffaz* in the state of Perak Darul Ridzuan.

Keywords: Curriculum; goal; tahfiz al-Quran; *huffaz*; Maahad Tahfiz ADDIN

Abstrak

Kajian ini bertujuan menilai peranan Maahad Tahfiz Alam Didikan Insan (ADDIN) untuk melahirkan *huffaz* di Negeri Perak Darul Ridzuan berdasarkan pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran yang digunapakai dengan instrumen penting iaitu pengumpulan data kuantitatif (soal selidik). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 366 orang pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN di negeri Perak yang dipilih secara rawak berstrata. Subjek kajian terdiri daripada pelajar yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun. Sebuah soal selidik telah dibina bagi mengutip data yang diperlukan. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 22.0. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan matlamat dan objektif kurikulum tahfiz al-Quran di Maahad Tahfiz ADDIN negeri Perak Darul Ridzuan berada pada min yang paling tinggi iaitu 3.60. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa matlamat dan objektif maahad tahfiz tercapai dan ianya berada pada tahap yang baik dan boleh diperkasakan lagi di masa akan datang. Sebaliknya isi kandungan kurikulum dan peruntukan waktu untuk hafazan al-Quran perlu diberi perhatian dan penambahbaikan yang sewajarnya agar Maahad Tahfiz ADDIN benar-benar dapat mengisi ruang melahirkan *huffaz* yang lebih berkualiti dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Kata kunci: kurikulum; matlamat; tahfiz al-Quran; *huffaz*; Maahad Tahfiz ADDIN

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Kitab suci al-Quran merupakan wahyu terakhir bagi umat manusia yang diturunkan untuk Rasul terakhir Nabi Muhammad SAW (Azmil Hashim, 2013). Allah SWT telah menurunkan Al-Quran sebagai satu mukjizat yang membuktikan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan kewujudan Allah SWT dengan segala sifat-sifat kesempurnaannya. Al-Zarqani (1988) mendefinisikan bahawa kitab Allah iaitu al-Quran yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril di dalam bahasa Arab. Ia merupakan satu kitab panduan hidup manusia dan rujukan utama umat Islam di samping sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya.

Al-Quran al-Karim pada hari ini merupakan sumber rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam. Justeru, memelihara kandungan al-Quran adalah satu tugas yang mulia dan terpuji. Para sahabat pada zaman Rasulullah SAW memelihara al-Quran dengan pelbagai cara dan kaedah, di antaranya ialah dengan cara menghafaznya (Abd Rahman, 2014). Sebagai umat Nabi Muhammad SAW akhir zaman, adalah menjadi tanggungjawab kita memikul amanah yang besar untuk memelihara *Kalamullah* dari sebarang bentuk penyelewengan yang berlaku di akhir zaman ini. Salah satu usaha yang dipraktikkan sejak dari zaman Rasulullah lagi dalam memastikan

ketulenan ayat-ayat suci al-Quran sentiasa terpelihara ialah melalui dengan cara menghafaz (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Ianya berterusan hingga ke hari ini di mana umat Islam berusaha memelihara al-Quran secara hafazan di dada ataupun dalam bentuk tulisan sebagai langkah pertama untuk memahami dan mengamalkan nya dengan lebih konsisten (Mohamad Marzuqi, 2016).

Pendidikan yang terawal sekali di dalam sejarah Islam adalah pendidikan tahfiz al-Quran. Pendidikan tahfiz al-Quran bermula semenjak Rasulullah SAW menerima wahyu pertama melalui perantaraan Jibril A.S. Pada ketika itu, Jibril A.S telah menunjukkan kaedah pendidikan al-Quran yang pertama kepada Rasulullah SAW (Azmil Hashim, 2013). Para sahabat menerima kaedah membaca dan menghafaz al-Quran daripada Rasulullah SAW (Al-Habash, 1987). Menghafaz al-Quran merupakan sebahagian daripada kandungan pendidikan al-Quran kerana di dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran, ianya bukan sekadar membaca akan tetapi meliputi kepada konsep kefahaman, hafazan dan penghayatan (Al-Badry, 1982).

Menurut Az-Zarkasyi (1988) hukum menghafaz al-Quran adalah fardhu kifayah. An-Nawawi (1996) menyatakan bahawa hukum menghafaz al-Quran adalah fardhu kifayah kerana ia merupakan sebahagian daripada tuntutan syariat Islam. Pada masa yang sama pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang fundamental kepada umat Islam serta pemeliharaannya amat penting bagi menjaga kesucian *kalamullah* supaya ianya sentiasa terpelihara (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Dengan adanya banyak institusi dan maahad tahfiz al-Quran, tugas menjaga kesucian *kalamullah* akan menjadi lebih mudah bertepatan dengan kenyataan Abu Najihat (2002) yang menghuraikan bahawa kepentingan dan keperluan di dalam pendidikan tahfiz ialah untuk menjaga *mutawatir* al-Quran. Ini bermaksud bahawa al-Quran itu sampai kepada generasi yang seterusnya dengan diriwayatkan oleh sebilangan *huffaz* yang ramai. Golongan *huffaz* ini mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri amanah sehingga tidak akan berlaku sebarang pendustaan dan pemalsuan terhadap al-Quran menerusi sistem *talaqqi*, *takrar* dan *musyafahah* yang sering dipraktikkan di kebanyakan institusi tahfiz bagi melahirkan *huffaz* yang berjaya.

■2.0 KAJIAN LITERATUR

Sejarah Maahad Tahfiz Al-Quran Di Malaysia

Pada zaman ini, Maahad Tahfiz al-Quran mahupun institusi tahfiz sudah berkembang pesat di mana-mana sahaja sama ada di negara Arab ataupun luar dari negara Arab. Perkembangan yang memberangsangkan ini jelas menunjukkan perubahan sikap masyarakat Islam terhadap usaha untuk memelihara al-Quran dengan cara menghafaznya (Abd Rahman, 2014). Di Malaysia khususnya, perkembangan pendidikan tahfiz al-Quran sudah mencapai satu tahap yang membanggakan. Keperluan dan kepentingan di dalam pendidikan tahfiz al-Quran turut dinyatakan oleh Al-Sayuti (1987), iaitu untuk menjaga daripada terputusnya jumlah mutawatir al-Quran dan juga mengelak daripada usaha-usaha untuk menyelewengkan kandungan al-Quran. Abu Najihat (2002) juga turut menghuraikan bahawa kepentingan dan keperluan di dalam pendidikan tahfiz ialah untuk menjaga *mutawatir* al-Quran.

Sejarah menghafaz al-Quran pertama di Malaysia secara rasminya bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz oleh Perdana Menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1966. Penubuhan ini bermula dengan hasrat yang dicetuskan oleh Rektor Universiti Al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut, pada ketika itu yang hadir sama semasa perasmian pembukaan Masjid Negara Maahad ini diberi nama Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar pada masa itu seramai lapan orang sebagai perantis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia (Darul Quran, 2014). Bertitik tolak dengan kewujudan Maahad Tahfiz yang pertama ini di Malaysia, maka pengajian dan pendidikan tahfiz al-Quran terus berkembang sehingga kini.

Sejarah Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN

Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MTQ) ADDIN Perak dibina pada 17 Disember 1993 sebagai sebuah institusi pendidikan Islam swasta dan berasrama penuh berasaskan kebajikan dan memilih bidang hafazan Al-Quran sebagai subjek teras di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak Darul Ridzuan. Pada mulanya MTQ ADDIN Perak ini dikelolakan oleh Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Perak. Kini MTQ ADDIN dikendalikan di bawah Yayasan ADDIN yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Syeikh Mohamah Nor B. Mansor Al-Hafiz. Maahad ini didaftarkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak. Setelah hampir 24 tahun beroperasi MTQ ADDIN telah berkembang pesat bagi menyesuaikan keperluan masyarakat setempat dan telah menubuhkan dua puluh (20 cawangannya di seluruh negeri Perak dan sebuah cawangan di Raub, Pahang (MTQ ADDIN, 2016)

Di antara objektif utama MTQ ADDIN: melahirkan Huffaz Al-Quran, membentuk peribadi muslim yang bijaksana, mampu menghadapi cabaran semasa, melahirkan cendekiawan mengikut bidang ilmu yang hafaz Al-Quran serta melahirkan para Da'ie berhemah tinggi. Pendidikan di MTQ ADDIN ini mempunyai tiga aras iaitu peringkat menengah rendah (tingkatan 1/2/3), menengah atas (tingkatan 4/5) dan peringkat Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat selepas tamat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) selama tiga tahun kerjasama dengan Darul Quran JAKIM (Maahad Tahfiz ADDIN, 2016). Sehingga kini tahun 2017 MTQ ADDIN mempunyai jumlah pelajar yang mencecah 1308 orang pelajar yang terdiri dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dan 160 orang guru tahfiz yang berpengalaman. MTQ ADDIN Perak menyasarkan sekurang-kurangnya 90-100 orang pelajar khatam 30 juzuk al-Quran pada setiap tahun (Penyelaras Jemaah Pengurusan Maahad MTQ ADDIN, 2017)

MTQ ADDIN mempunyai hasrat besar untuk melahirkan para *dai'e* yang berhemah tinggi. Maka untuk merealisasikan objektif sedemikian, setiap umat Islam bertanggungjawab membaca dan menghafaz al-Quran dengan betul dan bertajwid selain menghayati dan merenung makna setiap ayat-ayat yang dihafaz (Abdul Hafiz Abdullah, 2003). Pembacaan dan penghafazan yang baik juga merupakan tuntutan fardu ain bagi setiap individu Muslim untuk memperelokkan bacaan al-Quran khususnya apabila ia melibatkan hal-hal berkaitan ibadah dan boleh menjadi uslub dakwah kepada masyarakat.

Impian pelajar untuk mengingati 30 juzuk al-Quran di dalam dada begitu banyak cabaran, gangguan, halangan dan amaran Allah S.W.T. serta kesukaran-kesukaran bagi seseorang pelajar itu menghafaz al-Quran, maka diperlukan suatu kaedah yang berkesan dan bersistematik bagi memudahkan mereka untuk menghafaz dan menjaganya dari lupa di ingatan (Mohd Fazri, 1999). Menurut Penyelaras Jemaah Pengurusan Maahad MTQ ADDIN (2017), setiap pelajar dirancang untuk khatam al-Quran 30 juzuk dalam tempoh lima tahun sepanjang pengajian mereka di MTQ ADDIN Perak selain mata pelajaran lain yang diajarkan kepada mereka.

Kurikulum Tahfiz Al-Quran


Kurikulum mempunyai pengertian yang luas dan berbeza-beza. Perselisihan ini berlaku adalah kerana ideologi dan kefahaman para sarjana terhadap kurikulum tersebut berbeza-beza. Tiga dimensi yang berbeza dapat dilihat melalui bidang kurikulum antaranya ialah kurikulum merupakan sukatan pelajaran, kaedah pembelajaran atau objektif kepada pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar (Nasywan, 1991). Nasywan (1991), Saedah (2000) dan Ishak Ramly (2003) menyatakan kurikulum merupakan aspek yang sangat penting di dalam bidang pendidikan. Ianya terhasil berdasarkan keperluan masyarakat dan individu dalam mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan dan ianya telah menjadi nafas kepada dasar sistem pendidikan negara. Kejayaan sesuatu sistem pendidikan negara adalah bergantung kepada reka bentuk kurikulum kerana tanpa kurikulum, proses pendidikan amat sukar untuk dilaksanakan. Perkembangan kurikulum juga bersifat dinamik yang sentiasa berlaku perubahan untuk memperlihatkan yang kurang baik kepada tahap yang lebih baik (Razali Arof, 1996).

Teras utama kepada kurikulum tahfiz ialah hafazan al-Quran itu sendiri. Hal yang demikian adalah kerana falsafah tahfiz al-Quran itu sendiri adalah mengawal, memelihara dan menjaga al-Quran agar tidak mudah lupa dari ingatan seorang penghafaz al-Quran. Namun kurikulum tahfiz di Malaysia bukan hanya terhad kepada hafazan al-Quran semata-mata. Kurikulum tahfiz telah mengalami banyak perubahan sejak ia mula ditawarkan secara formal pada tahun 1966. Pada peringkat permulaan kurikulum yang digubal meliputi pengajian tahfiz dan pengajian Islam di peringkat diploma (Nordin Ahmad, 2015). Apabila ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat beberapa pihak berkewajipan telah tampil mengemukakan kurikulum tahfiz yang diadakan dengan kursus-kursus professional. Sebagai contoh UIAM dengan kerjasama Darul Quran JAKIM telah menawarkan program persijilan tahfiz al-Quran kepada lepasan SPM aliran sains. Setelah itu kurikulum ulu al-bab yang menggabungkan pengajian tahfiz dan akademik sains diperkenalkan di Sekolah-sekolah Menengah Imtiaz Terengganu. MARA melalui MRSM turut memperkenalkan model ulu-albab di beberapa kampusnya yang terpilih. Terkini Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dua bentuk kurikulum tahfiz iaitu Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz untuk sekolah-sekolah menengah di bawah kementerian seiring dengan kurikulum perdana. Secara umum kurikulum tahfiz yang digunakan oleh institusi pendidikan tahfiz kerajaan dan swasta terdiri daripada kurikulum tahfiz pengajian Islam dan kurikulum tahfiz akademik selain pengajian Islam. Maahad-maahad tahfiz ADDIN menggunakan kurikulum tahfiz akademik selain pengajian Islam yang diubahsuai mengikut keperluan dan dasar yang telah diputuskan (Penyelaras Jemaah Pengurusan Maahad MTQ ADDIN, 2017).

3.0 KERANGKA KONSEPTUAL

Rajah 1 menunjukkan kepada kerangka konseptual dirujuk di dalam kajian ini. Peranan Maahad tahfiz ADDIN yang mempunyai 20 cawangan diseluruh negeri Perak dalam melahirkan *huffaz* bermula dengan kurikulum tahfiz yang telah digubal dan dilaksanakan. Kurikulum ini merangkumi tiga aspek utama yang menyokong kepada peranan melahirkan *huffaz* iaitu matlamat dan objektif kurikulum Isi kandungan kurikulum dan peruntukan waktu menghafaz al-Quran yang dirancang di dalam kurikulum

Para pelajar tahfiz akan menerima kesan langsung daripada perancangan kurikulum yang melibatkan penentuan matlamat. Apabila para pelajar faham dengan jelas serta dapat menghayati matlamat kurikulum tahfiz maka sudah pasti ia menyumbang kepada pencapaian pihak institusi melahirkan *huffaz*. Manakala isi kandungan yang disusun selaras dengan kemampuan pelajar serta relevan dengan keperluan masyarakat dan falsafah pendidikan pengajian tahfiz al-Quran juga akan memberi impak kepada peranan ADDIN melahirkan *huffaz*. Seterusnya peruntukan waktu menghafaz al-Quran yang ideal dan seimbang kepada pelajar juga amat musatahak untuk perkembangan diri pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Hal yang demikian memperlihatkan bagaimana Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN benar-benar dapat melahirkan *huffaz* di negeri Perak sebagaimana yang dihasratkan.



Rajah 1 Kerangka Konseptual Peranan MTQ ADDIN melahirkan Huffaz

■4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan secara umumnya bertujuan untuk meninjau peranan MTQ ADDIN dalam melahirkan *huffaz* di Negeri Perak. Kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui matlamat dan objektif pelaksanaan kurikulum tahfiz di MTQ ADDIN, Perak
2. Mengetahui pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran tahfiz al-Quran di MTQ ADDIN, Perak.

■5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kuantitatif daripada responden. Soal selidik diedarkan kepada pelajar MTQ ADDIN menengah rendah (tingkatan satu-tiga) dan menengah atas (tingkatan empat dan lima) yang mengikuti kurikulum Tahfiz MTQ ADDIN. Pembinaan instrumen soal selidik tersebut diubahsuai mengikut kesesuaian tahap serta rumusan dari literatur pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Empat konstruk yang terdiri daripada faktor matlamat kurikulum, faktor kandungan kurikulum, faktor peruntukan masa dan faktor alat bantu menghafaz yang ditentukan dalam kajian ini. Konstruk ini dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan matlamat dan objektif daripada Maahad Tahfiz ADDIN Negeri Perak serta mengambil kira pandangan dari pakar-pakar dan pensyarah-pensyarah dalam bidang al-Quran. Data kajian yang dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.0.

Sampel kajian ini dipilih secara rawak berstrata, melibatkan 366 orang pelajar dari keseluruhan pelajar yang berjumlah 1306 orang pelajar pada tahun 2017 dari tingkatan satu hingga tingkatan lima yang mengambil kurikulum pendidikan tahfiz al-Quran Maahad Tahfiz ADDIN di cawangan Malim Nawar, Seruan Islam, Padang Rengas, Kg Ketior dan Tambun. Responden terdiri dari 229 pelajar lelaki dan 137 pelajar perempuan. Jadual 1 menunjukkan taburan responden terhadap kajian yang dijalankan.

Jadual 1 Taburan jantina responden

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	229	62.60
Perempuan	137	37.40
Jumlah	366	100%

■6.0 DAPATAN KAJIAN

Data yang diperolehi dari soal selidik dinyatakan dalam bentuk kekerapan dan peratus bagi setiap item dalam borang soal selidik. Seterusnya ujian perbandingan min digunakan untuk melihat perbezaan nilai min daripada setiap konstruk yang mempengaruhi peranan Maahad Tahfiz ADDIN, melahirkan *huffaz* di Negeri Perak.

Matlamat dan Objektif Kurikulum

Sebanyak enam item berkaitan maklumat dan objektif kurikulum telah dikemukakan kepada responden. Berdasarkan jadual 2, maklumbalas menunjukkan majoriti responden seramai 154 (42.1%) kadang-kadang mengingatkan diri mereka tentang kepentingan pendidikan tahfiz dan hanya 105 (28.7%) sahaja pelajar yang kerap dan sentiasa mengingatkan diri mereka tentang kepentingan pendidikan tahfiz. Item kedua menunjukkan majoriti responden seramai 217 (59.3%) kerap dan sentiasa memberi keutamaan kepada subjek mata pelajaran tahfiz berbanding mata pelajaran lain dan hanya 54 (13.9%) sahaja pelajar yang tidak pernah atau jarang sentiasa memberi keutamaan kepada subjek mata pelajaran tahfiz berbanding mata pelajaran lain. Item ketiga menunjukkan majoriti responden seramai 251 (68.6%) kerap dan sentiasa diberi penerangan oleh pihak maahad akan kepentingan matlamat tahfiz dan hanya 115 (31.5%) sahaja pelajar yang jarang dan kadangkala-kadangkala diberi penerangan oleh pihak maahad akan kepentingan matlamat tahfiz. Item keempat pula menunjukkan majoriti responden seramai 121 (43.1%) kerap dan sentiasa mengingat matlamat dan objektif pendidikan tahfiz, sementara hanya 95 (26%) tidak pernah dan jarang mengingat matlamat dan objektif pendidikan tahfiz al-Quran. Item kelima menunjukkan majoriti responden seramai 174 (47.6%) kerap dan sentiasa dijelaskan oleh pihak maahad matlamat kurikulum manakala hanya 75 (20.5%) tidak pernah dan jarang-jarang dijelaskan oleh pihak maahad matlamat kurikulum. Item keenam menunjukkan majoriti responden seramai 314 (85.8%) kerap dan sentiasa diingatkan ibu bapa kepentingan dan keperluan menghafaz al-Quran dan hanya sebilangan kecil responden iaitu seramai 27 (14.6%) pelajar tidak pernah dan jarang diingatkan ibu bapa tentang keperluan dan kepentingan menghafaz al-Quran.

Jadual 2 Maklumbalas terhadap matlamat dan objektif kurikulum (kekerapan dan peratus)

Bil	Item Pengajaran	Tidak Pernah	Jarang	Kadang-Kadang	Kerap	Sentiasa
1	Saya selalu mengingatkan diri tentang kepentingan pendidikan tahfiz untuk membentuk sahsiah dalam diri saya	2.7% (10)	26.5% (97)	42.1% (154)	21.3% (78)	7.4% (27)
2	Saya memberi keutamaan kepada mata pelajaran tahfiz berbanding mata pelajaran lain.	1.1% (4)	12.8% (47)	26.8% (98)	40.2% (147)	19.1% (70)
3	Pihak maahad banyak menerangkan kepentingan matlamat pembelajaran tahfiz kepada saya.	0.0% (-)	9.6% (35)	21.9% (80)	37.2% (136)	31.4% (115)
4	Matlamat dan objektif pendidikan tahfiz maahad selalu berada di dalam ingatan saya.	3.3% (12)	22.7% (83)	41% (150)	22.7% (83)	10.4% (38)
5	Pihak maahad menjelaskan objektif dan matlamat kurikulum tahfiz kepada saya.	2.7% (10)	17.8% (65)	32% (117)	29% (106)	18.6% (68)
6	Ibu bapa selalu mengingatkan diri saya tentang keperluan dan kepentingan menghafaz al-Quran.	8% (3)	6.6% (24)	6.8% (25)	18.3% (67)	67.5% (247)

Isi Kandungan Kurikulum

Sebanyak lima item berkaitan isi kandungan kurikulum telah dikemukakan kepada responden. Berdasarkan jadual 3, maklumbalas menunjukkan majoriti responden seramai 267 (73%) tidak pernah, jarang dan kadang-kadang mengulang kaji subjek-subjek lain selain al-Quran dan hanya 99 (27.1%) sahaja pelajar yang kerap dan sentiasa mengulang kaji subjek-subjek lain selain al-Quran. Item kedua menunjukkan majoriti responden seramai 237 (64.8%) tidak pernah, jarang dan kadanga-kadang dapat menyesuaikan pembelajaran dengan kurikulum yang disusun pihak maahad dan hanya 129 (35.2%) sahaja pelajar kerap dan sentiasa dapat menyesuaikan pembelajaran dengan kurikulum yang disusun pihak maahad. Item ketiga menunjukkan majoriti responden seramai 238 (65%) tidak pernah, jarang dan kadang-kadang merasakan isi kandungan kurikulum yang disediakan pihak maahad membantu mereka menjadi seorang hafiz dan hanya 128 (35%) sahaja pelajar yang kerap dan sentiasa merasakan isi kandungan kurikulum yang disediakan pihak maahad membantu mereka menjadi seorang hafiz. Item keempat pula menunjukkan majoriti responden seramai 202 (55.2%) menyatakan pihak maahad tidak pernah, jarang dan kadang-kadang mengasingkan isi kandungan tahfiz dan bukan tahfiz dalam kurikulum, sementara hanya 164 (44.9%) menyatakan pihak maahad kerap dan sentiasa mengasingkan isi kandungan tafiz dan bukan tahfiz dalam kurikulum. Item kelima menunjukkan majoriti responden seramai 229 (59.8%) menyatakan pihak maahad kerap dan sentiasa mengambil berat pencapaian isi kandungan hafazan al-Quran pelajar sementara hanya sebilangan kecil responden 71 (20%) menyatakan pihak maahad tidak pernah dan jarang mengambil berat pencapaian isi kandungan hafazan al-Quran pelajar.

Jadual 3 Maklumbalas responden terhadap isi kandungan kurikulum dalam bentuk kekerapan dan peratus

Bil	Item Pengajaran	Tidak Pernah	Jarang	Kadang-Kadang	Kerap	Sentiasa
1	Saya mengulang kaji subjek-subjek lain selain hafazan al-Quran.	9.6% (35)	33.6% (123)	29.8% (109)	18.6% (68)	8.5% (31)
2	Saya dapat menyesuaikan pembelajaran dengan kurikulum yang disusun oleh pihak maahad.	6.8% (25)	23.0% (84)	35.0% (128)	24.3% (89)	10.9% (40)
3	Sukatan kurikulum yang disediakan pihak maahad membantu saya menjadi seorang hafiz al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan.	6.8% (25)	22.4% (131)	35.8% (131)	22.7% (83)	12.3% (45)
4	Pihak maahad mengasingkan subjek-subjek kurikulum tahfiz dan subjek-subjek kurikulum bukan tahfiz kepada saya.	10.9% (40)	17.5% (64)	26.8% (98)	26.0% (95)	18.9% (69)
5	Pihak maahad mengambil berat sekiranya saya tidak mencapai matlamat sasaran hafazan pada setiap tahun.	9.3% (34)	10.7% (39)	20.2% (74)	29.2% (107)	30.6% (112)

Peruntukan Masa Menghafaz Al-Quran

Empat item berkaitan peruntukan masa menghafaz al-Quran di dalam kajian ini. Jadual 4 menunjukkan maklumbalas majoriti responden seramai 265 (72.4%) kurang memperuntukkan masa 8 jam sehari untuk menghafaz al-Quran di maahad dan baki responden 101 (27.6%) sahaja pelajar yang kerap dan sentiasa memperuntukkan masa 8 jam sehari untuk menghafaz al-Quran di maahad. Item ke ua menunjukkan majoriti responden seramai 273 (74.6%) tidak pernah, jarang dan kadanga-kadang memperuntukkan masa 2 jam sehari mengalang al-Quran

bersama rakan dan hanya 93 (25.5%) sahaja pelajar kerap dan sentiasa memperuntukkan masa 2 jam sehari mengulang al-Quran bersama rakan. Item ketiga menunjukkan majoriti responden seramai 189 (51.6%) tidak pernah, jarang dan kadang-kadang menghafaz dan mengulang al-Quran mengikut waktu hafazan yang ditentukan dan hanya 177 (48.3%) menghafaz dan mengulang al-Quran mengikut waktu hafazan yang ditentukan. Item keempat pula menunjukkan majoriti responden seramai 275 (75.1%) mereka tidak pernah, jarang dan kadang-kadang mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan, sementara hanya 91 (24.9%) sahaja menyatakan mereka kerap dan sentiasa mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan.

Jadual 4 Maklumbalas responden terhadap peruntukan masa dalam bentuk kekerapan dan peratus

Bil	Item Pengajaran	Tidak Pernah	Jarang	Kadang-Kadang	Kerap	Sentiasa
1	Saya memperuntukkan masa untuk menghafaz al-Quran di maahad sekurang-kurangnya 8 jam sehari.	13.7% (50)	27.6% (101)	31.1% (114)	14.5% (53)	13.1% (48)
2	Saya memperuntukkan sekurang-kurangnya 2 jam menghafaz dan mengulang al-Quran bersama rakan-rakan di luar waktu kuliah.	15.3% (56)	29.8% (109)	29.5% (108)	14.8% (54)	10.7% (39)
3	Saya hanya menghafaz dan mengulang mengikut waktu hafazan yang ditetapkan.	8.7% (32)	17.8% (65)	25.1% (92)	26.2% (96)	22.1% (81)
4	Saya dapat mencapai matlamat sasaran hafazan saya setiap tahun dengan mengikut waktu yang ditetapkan.	18.0% (66)	26.8% (98)	30.3% (111)	15.6% (57)	9.3% (34)

Secara keseluruhan tiga aspek yang diukur untuk melihat faktor yang mempengaruhi peranan Maahad tahfiz ADDIN dalam melahirkan *huffaz* di Negeri Perak adalah seperti jadual 5. Aspek matlamat dan objektif kurikulum menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 3.60 manakala aspek kandungan kurikulum 3.18 dan aspek pengurusan masa menghafaz dengan nilai min 2.92. Jelas di dalam kajian ini aspek isi kandungan kurikulum dan pengurusan masa pelajar-pelajar tahfiz kurang diberi perhatian dan perlu penambahbaikan oleh pihak berwajib di maahad tahfiz ADDIN dalam menjayakan misi menghafaz al-Quran 30 juzuk seperti yang telah dijadualkan kepada pelajar.

Jadual 5 Perbezaan konstruk-onstruk peranan maahad tahfiz addin melahirkan *huffaz* di negeri perak

N	366	Matlamat	Kandungan	Masa
Min		3.60	3.18	2.92

N = jumlah sampel

7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, matlamat kurikulum Maahad Tahfiz ADDIN berada pada tahap yang tinggi manakala isi kandungan kurikulum dan pengurusan masa menghafaz al-Quran berada pada tahap sederhana rendah dan rendah. Dalam konteks peranan Maahad Tahfiz ADDIN bagi melahirkan *huffaz* yang berkualiti di negeri Perak, Maahad Tahfiz ADDIN harus mengekalkan matlamat dan objektif yang digariskan dalam kurikulum sebagai salah satu penanda aras kepada peranannya melahirkan *huffaz* di Negeri Perak. Sebaliknya pihak maahad harus memandang serius ke atas isi kandungan hafazan dan akademik yang dianggap terpisah antara satu sama lain bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun begitu hafazan al-Quran akan terus menjadi teras kepada kurikulum yang dirancang. Begitu juga perhatian dan pengawalan yang khusus harus diberikan oleh pihak maahad kepada pelajar dalam memastikan jumlah waktu yang diperuntukkan mencukupi untuk hafazan al-Quran serta seimbang dengan aktiviti pembelajaran yang lain. Hal ini adalah kerana pelajar tahfiz merupakan pengamal kepada pembelajaran tahfiz dan penentu kepada kejayaan atau kegagalan institusi pendidikan tahfiz tersebut. Pihak pelaksana kurikulum tahfiz perlu mengintegrasikan kemahiran hafazan al-Quran dengan kemahiran pembelajaran mata pelajaran lain. Di samping itu guru-guru harus mengawasi masa menghafaz dan mengulang al-Quran agar ia sentiasa memberi impak yang besar kepada kualiti hafazan pelajar. Oleh yang demikian, usaha penambahbaikan kepada isi kandungan dan peruntukan masa menghafaz al-Quran harus ditingkatkan seperti yang disarankan oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2008).

Selain itu, pelajar juga perlu didedahkan pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan ilmu berkaitan dengan nya kerana supaya seiring dengan pembelajaran terkini (Zawawi, 2008) Dapatan menunjukkan penggunaan ABM yang bersifat elektronik ini dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz masih di peringkat awal bertepatan dengan kajian Mohamad Marzuqi (2008) dan ianya sangat jarang digunakan. Di samping itu juga pihak pelaksana kurikulum MTQ ADDIN Perak harus mengambil kira apa yang perlu didedahkan kepada pelajar tahfiz khususnya elemen-elemen dari segi pengajaran dan pembelajaran yang efektif agar peranan MTQ ADDIN Perak ini menjadi platform terbesar melahirkan *Huffaz* yang cemerlang sesuai dengan saranan kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang menyasarkan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 500 orang hafiz al-Quran setahun daripada sekolah-sekolah menengah tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan di samping yang dikelolakan juga oleh pihak swasta dapat dilaksanakan dengan sebaiknya (Perak News, Selasa, 10 Februari 2015). Dengan asas yang kuat iaitu mempunyai matlamat dan objektif yang jelas dan dihayati oleh warga maahad tahfiz ADDIN serta penambahbaikan

kepada isi kandungan kurikulum dan peruntukan masa menghafaz yang diharmonikan, Maahad Tahfiz Al-Quran ADDIN mampu berperanan sebagai institusi yang berjaya melahirkan *huffaz* di Negeri Perak kerana implikasinya amat besar kepada masa depan generasi *huffaz* antaranya perkembangan pesat institusi tahfiz yang sistematik serta jumlah bilangan penjaga *kalamullah* berkualiti yang ramai di Malaysia.

Rujukan

- Al-Quran Al-Karim
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. (2003). *Kaedah Hafazan Al-Quran yang Sistematik dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Solomon, Azmi Shah Suratman dan Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2005). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd Rahman Bin Abd Ghani, (2014). *Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran Di Darul Quran JAKIM*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tesis GPU Kod 2013-0213-107-01.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). *Panduan bagi Hafiz-Hafizah dan Qari dan Qari'ah*. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Al-Habash, As-Syeikh Muhammad. (1987). *Kaifa Tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya Mahyiddin Syaraf. (1997). *Adab-adab Bersama Al-Quran*. Ter. Anwar Fakhri Omar. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN)*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zarkasyi, Burhanuddin Muhammad Abdullah. (1988). *Al-Burhan fi 'Ulumul Quran*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Zarqani, Muhammad Abdul Azim. (1988). *Manahil al-'Irfan*. Beirut: Darul Fikr.
- Darul Quran, (2017). *Sejarah Darul Quran JAKIM*. Retrieved Ogos 2017, from www.darulquran.gov.my.
- Penyelaras Jemaah Pengurusan Maahad MTQ ADDIN (2016). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di MTQ ADDIN*. Temu Bual, 19 Disember
- Ishak Ramli. (2003). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zawawi Ismail & Mohd Aderi Che Noh. (2009). *Persepsi Murid Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di dalam Bilik Darjah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-7 (Peringkat Nusantara). Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Studi Islam Darussalam Gontor, Indonesia. Gontor, 4-9 Dis.
- Maahad Tahfiz ADDIN. (2016). *Info ADDIN Berkenaan Latar Belakang Dan Objektif MTQ*. Retrieved Mei 2016, from <https://maahadtahfizaddin.edu.my/>.
- Misran jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). *Hubungan Antara Kaedah Menghafaz Al-Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wa Al-Qiraat Pelajar Semester Empat Dan Lima Di Maahad Tahfiz Wal Qiraat di Perak*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2016). *Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Ayat Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz*. *Jurnal Teknikal Sains & Sosial*. Bilangan 5 Jilid 1. e-ISSN 2289-7356
- Mohammad Marzuqi Abd Rahim. (2016). *Hubungan Gaya Pengajaran Penserah Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Hafazan Di Institusi Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Penyelidikan GPU Kod : 2015-0116-106-01. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Murad, Khuram. (1991). *Way to the Quran*. Kuala Lumpur: Islamic Foundation.
- Nasywan, Yaakob Husain. (1991). *Al-Manhaj at-tarbiyyah min manzur Islami*. Amman: Darul Furqan.
- Nordin Ahmad (2015). *Memperkasakan Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara, 1-3 Jun 2015.
- Razali, Arof. (1996). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saedah Siraj. (2001). *Perkembangan Kurikulum: Teori dan Amalan*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.